

Tingkatkan sumber tenusu negara

KOMPLEKS Tenusu Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang terletak di Muadzam Shah, Rompin, Pahang, dijangka akan mula mengeluarkan hasil tenusu menjelang awal bulan Julai nanti sekali gus membantu meningkatkan sumber tenusu negara.

Pengarah Operasi The Holstein Milk Company (Holstein), Azmi Zainal berkata, kumpulan pertama 220 ekor lembu baka AFS (*Australian Freshian Sahiwal*) akan mula mengeluarkan hasil tenusu sebanyak 100 tan sebulan ataupun sebanyak 100,000 liter sebulan.

"Sehingga hari ini, sejumlah 720 ekor lembu betina bunting telah dibawa masuk dari ladang pengumpulan Holstein di Melbourne, Australia.

"Kami menjangkakan dapat mencapai sasaran melengkapkan 1,200 ekor induk bunting AFS pada bulan September ini apabila baki 500 ekor lagi akan tiba dari Melbourne dan juga ladang Holstein di Mawai, Kota Tinggi, Johor. Dijangka pengeluaran maksimum pada bulan Januari tahun depan akan mencapai kira-kira 350 tan tenusu sebulan," katanya selepas menerima lawatan daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, baru-baru ini.

Tambah Azmi lagi, susu mentah yang dihasilkan itu nanti akan dihantar untuk diproses di kilang di Larkin milik Holstein dengan jenama Farm Fresh yang merupakan jenama nombor satu di Malaysia dalam segmen susu segar.

Dalam pada itu tambahnya, dengan adanya projek tenusu di Muadzam Shah ini, peluang pekerjaan turut wujud terutama



UTUSAN

3/5/15

Dijangka pengeluaran maksimum pada bulan Januari tahun depan akan mencapai kira-kira 350 tan tenusu sebulan."

AZMI ZAINAL

Pengarah Operasi The Holstein Milk Company (Holstein)

kepada penduduk tempatan.

"Sehingga kini, projek tenusu ini memberi peluang pekerjaan kepada 25 orang masyarakat tempatan termasuk tujuh orang daripada masyarakat Orang Asli.

"Selain memberi peluang pekerjaan, pihak berkuasa Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dengan kerjasama Holstein juga menjalankan usaha membangunkan usahawan tenusu. Bagi fasa pertama, sebanyak 15 usahawan dilatih dengan tujuh daripadanya merupakan anak jati dari Muadzam Shah," katanya.

Selain itu ujar Azmi, Holstein juga menjadi salah satu syarikat peneraju kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam menjayakan Projek Permu-laan (EPP) 13 kementerian berke-naan iaitu dalam Kluster Tenusu.

"Kompleks ini juga dilengkapi dengan pusat latihan yang boleh menempatkan kira-kira 40 orang peserta beserta asrama selain dua buah dewan kuliah.

"Dijangkakan, kursus tenusu pertama dalam program EPP 13 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan diadakan di kompleks tenusu ini pada awal bulan Julai nanti," katanya.



LAWATAN Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini ke Kompleks Tenusu Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang terletak di Muadzam Shah, Rompin, Pahang.